

Oleh Mohd Hafiz Bin Abdul Halim, Pensyarah Jabatan Perdagangan .

## USAHAWAN ONLINE TERUNA RAIH KEJAYAAN DI CREANOVA MPC

Usahawan online yang terdiri dari 3 orang anak muda, Trio Exclusive Enterprise dari Jabatan Perdagangan Politeknik Seberang Perai dinobatkan Juara di pertandingan Creanova Productivity For You yang dianjurkan oleh MPC pada 6 Oktober 2016 bertempat di MPC Pulau Pinang. Usahawan ini meraih hadiah berjumlah RM500.00 berserta sijil penyertaan untuk kategori Politeknik Malaysia.

Politeknik Malaysia Seberang Perai(PSP) telah menghantar 8 kumpulan penyertaan dari pelbagai jabatan akademik PSP dan 5 dari 8 kumpulan ini telah terpilih untuk membuat persembahan di peringkat akhir Creanova Productivity For You di MPC Pulau Pinang baru –baru ini. Selain itu penyertaan dari institusi pengajian lain iaitu Institut Latihan Perindustrian dan Kolej Komuniti Kepala Batas turut menyertai pertandingan ini.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Haminnuddin Hj. Abd. Hamid, Ahli Lembaga Pengarah MPC dan Tuan Hj. Ab. Rahim Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah MPC. Turut hadir dalam majlis ini wakil pengurusan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Utara, Hewlett Packard, Sirim dan lain-lain lagi dari sektor awan dan swasta.



